

**Kerajaan Pastikan TPPA Tidak Bawa Kesan Negatif - Hamim Samuri
Bernama
8 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Kerajaan masih berunding untuk memastikan kedaulatan negara dan kepentingan pelaburan tempatan tidak terjejas sekiranya Malaysia menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA), persidangan Dewan Negara diberitahu Selasa. Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Hamim Samuri berkata kerajaan akan memastikan TPPA akan memberi kesan positif paling maksimum dan mengurangkan kesan negatif paling minimum kepada Malaysia.

"Kesan (positif) TPPA kepada pelaburan tempatan sudah tentu ada, ia akan dapat meningkatkan kualiti produk kita (tempatan) supaya setanding produk negara lain," katanya menjawab soalan tambahan Senator Norliza Abdul Rahim yang ingin tahu kesan TPPA terhadap pelaburan dalam negara.

Menjawab soalan asal Norliza, Hamim berkata kerajaan menyasarkan peningkatan sebanyak 73 peratus pelaburan domestik seperti digariskan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Norliza ingin tahu insentif yang dilaksana kerajaan untuk membantu merangsang pelabur tempatan bagi merencanakan pelaburan dalam negara.

"Dalam tempoh Januari hingga Jun 2013, pelaburan tempatan menyumbang sebanyak RM66.7 bilion iaitu 68.5 peratus manakala pelaburan asing menyumbang RM30.7 bilion (31.5 peratus)," katanya.

Hamim berkata kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan pelaburan dalam negara, antaranya penubuhan dana strategik pelaburan tempatan berjumlah RM1 bilion bagi membantu pelabur tempatan mendapat lesen memperoleh teknologi tinggi.

"Kerajaan juga memberikan insentif pengurangan cukai korporat sehingga 20 peratus untuk tempoh lima tahun dan pengecualian duti setem untuk dokumen penggabungan kepada syarikat kecil yang menyediakan perkhidmatan bergabung menjadi satu entiti besar," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=983973>